

Negara mampu guna nuklear

UM - 28/11/2006

Oleh ARSHAD KHAN

KUANTAN 27 Nov. - Malaysia memerlukan tempoh antara lima hingga tujuh tahun sebelum mampu menjana tenaga elektrik menggunakan kuasa nuklear.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis berkata, pada peringkat ini, ada beberapa perkara penting yang perlu diperkemas dalam usaha negara menukar polisi penjanaan tenaga daripada minyak dan arang batu kepada kuasa nuklear.

Katanya, antara faktor terpenting yang diberikan penekanan adalah kesediaan rakyat menerima bahan berkenaan sebagai penghasil tenaga.

Jelas beliau, perkara itu perlu dimulakan daripada sekarang kerana apabila tiba waktunya Malaysia hendak berubah kepada nuklear, dan tidak akan timbul bantahan atau perasaan takut di kalangan masyarakat.

"Rakyat Jepun yang pernah dibom dengan bom atom pada Perang Dunia Kedua bersedia mengubah persepsi mereka dan menerima nuklear sebagai penjana tenaga kerana menyedari kelangsungan industri serta kemajuan negara mereka bergantung kepada tenaga itu,"

katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Forum Kerjasama Nuklear di Asia yang disertai peserta dari 10 negara benua Asia serta dari Agensi Penguatkuasa Atom Antarabangsa (IAEA) di sebuah hotel terkemuka, di sini hari ini.

Tambah Jamaluddin, rakyat perlu menerima nuklear sebagai penjana tenaga kerana harga petroleum di pasaran dunia diramal mampu memecah melebihi AS100 pada masa depan.

Katanya, harga minyak setinggi itu akan membawa kesan terlalu besar kepada penjanaan tenaga yang secara langsung membantutkan usaha menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Katanya, negara akan rugi sekiranya pakar-pakar terbabit yang kini menumpukan kemahiran dan kehebatan ilmu yang dimiliki mereka hanya melakukan kajian-kajian yang sebenarnya bukan taraf mereka.

"Kita berkemungkinan besar akan membeli reaktor 20 megawatt

bagi memenuhi permintaan dan juga mengambil kira pandangan para pakar kita yang mengatakan satu megawatt seperti yang diaplikasikan pada masa ini tidak lagi sesuai bagi tujuan kajian," katanya.

Selain itu, kata beliau, dialog dengan pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu diadakan bagi menerangkan kenapa Malaysia bercadang mengubah punca penghasilan tenaganya.

"Kita belum membuat keputusan untuk berubah, tetapi jika harga minyak terus melonjak pada masa hadapan, kita perlulah bersedia dengan kepakaran yang secukupnya, kita perlu sediakan payung sebelum hujan, bukannya setelah hujan mula turun," katanya.

Forum selama tiga hari itu disertai oleh kira-kira 100 pegawai kanan dan wakil jabatan-jabatan berkaitan dengan nuklear dari negara Australia, Bangladesh, China, Indonesia, Korea, Filipina, Thailand, Vietnam, Jepun, Malaysia dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).